

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

RPK 451 - Ekonomi Bandar dan Wilayah

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (a) Huraikan maksud ekonomi perkelompokan.
(10 markah)
- (b) Bincangkan peranan ekonomi perkelompokan dalam lokasi industri.
(15 markah)

2. (a) Terangkan maksud ungkapan-ungkapan berikut sebagaimana digunakan dalam Teori Petempatan Pusat:-
 - (i) Jarak barangan.
 - (ii) Ambang barangan.(5 markah)
- (b) Sejauh manakah Teori Petempatan Pusat dapat membantu anda untuk merancang sesebuah kompleks membeli-belah?
(20 markah)

...2/-

3. (a) Huraikan unsur-unsur penting yang terkandung di dalam konsep 'Kutub Pertumbuhan'.
(10 markah)
- (b) Mengapakah pendekatan pembangunan yang berasaskan kepada 'Kutub Pertumbuhan' di negara-negara membangun kurang berjaya untuk mencapai apa yang di-cita-citakan?
(15 markah)

4. Jadual Input-Output bagi sebuah Kawasan Kajian Dalam Tahun 1985 (Nilai Dalam \$ Juta)

Sektor \ Sektor	Pertanian	Pembuatan	Permintaan akhir
Pertanian	0	180	420
Pembuatan	240	0	120
Bayaran-Bayaran Lain	360	180	0

Berdasarkan jadual di atas:-

- (a) Kirakan jumlah pengeluaran sektor pertanian dan pembuatan dalam tahun 1985.
(4 markah)
- (b) Kirakan matriks koefisien bagi model input-output di atas.
(4 markah)
- (c) Sekiranya permintaan akhir bagi sektor pertanian ialah \$1000 juta dan sektor pembuatan \$1000 juta dalam tahun 1990, kirakan jumlah pengeluaran bagi kedua-dua sektor dalam tahun 1990.

Sekiranya $A = \begin{bmatrix} a_{11} & a_{12} \\ a_{21} & a_{22} \end{bmatrix}$,

jadi $A^{-1} = \frac{1}{a_{11} a_{22} - a_{12} a_{21}} \begin{bmatrix} a_{22} & -a_{12} \\ -a_{21} & a_{11} \end{bmatrix}$

(17 markah)

...3/-

5. KDNK Bagi Kawasan Kajian dan Negara (Nilai Dalam \$ Juta)

Tahun Sektor	Kawasan Kajian		Negara	
	1985	1990	1985	1990
Pertanian	800	900	2000	4000
Pembuatan	600	800	2000	3000
Perkhidmatan	600	1500	4000	5000

(a) Kirakan syif 'pertumbuhan' dan syif 'struktur' kawasan kajian bagi tempoh 1985 - 90 mengikut kaedah analisis shif-syer.

(20 markah)

(b) Berikan ulasan prestasi ekonomi bagi kawasan kajian berdasarkan kepada jawapan (a)

(5 markah)

6. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'aktiviti asas' dan 'hasil bahagi lokasi' (LQ)?

Terangkan bagaimanakah LQ boleh menentukan 'aktiviti asas'?

(10 markah)

(b) Bincangkan bagaimanakah pertumbuhan wilayah boleh dijelaskan melalui Teori Asas Ekonomi?

(15 markah)

7. (a) Berikan definisi Indeks Williamson.

(5 markah)

(b) Huraikan ciri-ciri ketidakseimbangan wilayah di negara ini.

(20 markah)

...4/-

8. Bincangkan faktor-faktor penting yang mempengaruhi pasaran harta tanah di negara ini.

(25 markah)

-ooo00ooo-